5. Tuntutan mesti disokong dengan laporan polis yang dibuat dalam masa 24 jam selepas Kecurian Ragut.

PENGECUALIAN POLISI AM

Pengecualian berikut terpakai kepada semua bahagian Polisi ini. Apabila terdapat percanggahan antara pengecualian khusus di bawah bahagian Manfaat dan Pengecualian Polisi Am, pengecualian khusus akan diguna pakai.

Syarikat tidak akan membayar di bawah Polisi ini untuk apa-apa tuntutan yang timbul daripada, diakibatkan atau berkaitan dengan:

1. Perkara-perkara berikut untuk Pemegang Sijil:
 - (a) Keadaan Sedia Ada atau apa-apa komplikasi yang timbul daripadanya;
 - (b) kegagalan untuk mengikut nasihat perubatan yang diberikan oleh Doktor;
 - (c) kehamilan, keguguran, pengguguran, kelahiran anak, pemandulan, pencegahan hamil serta rawatan untuk kemandulan atau rawatan kawalan kelahiran atau sebarang komplikasi;
 - (d) Anomali kongenital dan keadaan yang timbul daripada atau akibat daripadanya atau kelemahan fizikal;
 - (e) gangguan mental, psikiatrik atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik), gangguan tidur, kebimbangan, tekanan atau kemurungan.
2. Apa-apa Penyakit.
3. Apa-apa Kecederaan yang timbul secara langsung atau tidak langsung akibat daripada osteoporosis;
4. Apa-apa Penghospitalan atau perbelanjaan untuk:
 - (a) apa-apa pemeriksaan kesihatan rutin,
 - (b) apa-apa diagnosis, ujian, pemeriksaan atau x-ray (sinar X) yang tiada petunjuk objektif penurunan tahap kesihatan,
 - (c) apa-apa rawatan atau penyiasatan yang bersifat pencegahan, vaksinasi, akupunktur,
 - (d) apa-apa rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan; atau
 - (e) apa-apa rawatan pergigian.
5. Apa-apa penyakit kelamin, 'Sindrom Kehilangan Daya Tahan Melawan Penyakit' (AIDS), kompleks yang berkaitan dengan AIDS atau, sebarang jangkitan oleh 'Virus Keimunodefisienan Manusia' (HIV) atau apa-apa jenis penyakit venereal.
6. Pemegang Sijil melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan jenayah atau yang menyalahi undang-undang (termasuk kesalahan trafik);
7. Pemegang Sijil membunuh diri atau cuba membunuh diri atau mengalami kecederaan yang disengajakan sendiri sama ada dalam keadaan waras atau tidak waras atau akibat pendedahan terhadap bahaya secara sengaja atau tidak sengaja.
8. Pemegang Sijil terlibat atau mengambil bahagian dalam mogok, rusuhan, atau kekecohan awam.
9. Pemegang Sijil yang terlibat, berlatih, melatih atau mengambil bahagian dalam:
 - (a) aktiviti bawah air yang biasanya memerlukan penggunaan alat bantuan pernafasan. Pengecualian ini tidak terpakai untuk penyelaman skuba rekreasi jika:

- (i) Pemegang Sijil menyelam tidak lebih daripada 30 meter di bawah pengawasan pengajar menyelam yang berkelayakan; atau
 - (ii) Pemegang Sijil memegang sijil PADI (atau kelayakan yang setara) dan menyelam dengan rakan yang memegang sijil PADI (atau kelayakan yang setara).
- (b) perlumbaan kecuali perlumbaan kaki, lagak ngeri, percubaan kebolehpercayaan dan ujian kelajuan atau tempoh. Latihan atau berlatih berhubung dengan aktiviti-aktiviti ini juga tidak dilindungi;
- (c) apa-apa aktiviti udara termasuk tetapi tidak terhad kepada payung terjun, lompatan BASE, terjun udara atau perjalanan dalam mana-mana peranti sokongan udara lain, melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat komersial yang dilesenkan untuk membawa penumpang; atau
- (d) apa-apa sukan lasak atau aktiviti yang menunjukkan tahap bahaya yang tinggi (iaitu melibatkan kelajuan dan ketinggian yang luar biasa, tahap kepakaran yang tinggi, penggunaan tenaga fizikal yang luar biasa atau peralatan yang sangat khusus) atau risiko peribadi. Pengecualian termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- (i) apa-apa pendakian gunung; melibatkan abah-abah memanjat, peranti tali dan panduan untuk memasang tali di keliling penyangkut atau menakik turun; atau
 - (ii) apa-apa aktiviti atau perjalanan jauh melebihi 3,000 meter;
 - (iii) melayari ombak besar;
 - (iv) aktiviti musim sejuk seperti mengheret (lugging), menaiki kereta geluncur (bobsleighbing), ski atau lompat papan salji atau aktiviti aksi;
 - (v) ujian kelajuan basikal, motor, pesawat udara atau kapal laut atau aksi;
 - (vi) berkanu/berkayak dan berakit air putih dan hitam di jeram gred 4 atau lebih tinggi;
 - (vii) melompat tebing, melompat kuda, polo kuda atau apa-apa aerobatik; dan
 - (viii) perjalanan memburu, penjelajahan gua atau kembara dalam gua.

Ia bukan bermakna aktiviti pelancongan biasa yang boleh diakses oleh orang awam tanpa sekatan (selain daripada amaran ketinggian atau kesihatan umum atau kecergasan) dan dijalankan di bawah pengawasan kakitangan pengendali pelancongan berdaftar yang berlesen dan berkelayakan.

10. Pembedahan kosmetik, pembedahan plastik atau pembedahan atau rawatan elektif.
11. Apa-apa Kecederaan yang dialami semasa Pemegang Sijil menunggang motosikal tanpa topi keledar keselamatan sama ada sebagai penumpang atau pembonceng;
12. Insiden nuklear, biologi atau kimia seperti yang digariskan di bawah:
- (a) apa-apa letupan nuklear termasuk semua kesannya atau pencemaran radioaktif yang disebabkan oleh sinaran mengion atau pencemaran oleh radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa sisa nuklear yang disebabkan oleh pembakaran dan/atau pembakaran berterusan bahan api nuklear; atau
 - (b) sifat radioaktif, toksik, letupan atau lain-lain sifat berbahaya mana-mana peralatan nuklear atau komponennya; atau
 - (c) pengganas, penjenayah atau entiti berniat jahat lain menyebarkan atau menggunakan bahan biologi atau kimia patogen atau beracun atau pembebasan bahan biologi atau kimia patogen atau beracun.
13. Apa-apa provokasi yang disengajakan oleh Pemegang Sijil terhadap orang lain yang mengakibatkan Kecederaan.
14. Pemegang Sijil terpengaruh dengan alkohol atau ubat-ubatan, melainkan ubat tersebut dipreskripsikan atau diberikan oleh Doktor dan diambil mengikut arahan Doktor.
15. Apa-apa tindakan Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, dahagi, penentangan, revolusi, pemberontakan, perampasan kuasa, mogok, rusuhan atau kekecohan awam.

SYARAT POLISI AM

1. Syarat Terdahulu Terhadap Liabiliti

Pemegang Sijil mesti mematuhi terma, peruntukan dan syarat Polisi ini supaya layak menerima apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini. Kegagalan Pemegang Sijil untuk berbuat demikian akan membatalkan semua tuntutan yang dibuat di bawah Polisi ini.

2. Penjagaan Munasabah

Pemegang Sijil mesti mengambil semua langkah yang munasabah untuk mencegah dan mengurangkan apa-apa kemalangan atau kerugian.

3. Bidang Kuasa Undang-undang yang Mentadbir

Polisi ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan apa-apa pertikaian atau tindakan yang berkaitan dengannya hendaklah dikendalikan dan ditentukan di Malaysia.

4. Penyelesaian Pertikaian

Apa-apa pertikaian atau perbezaan yang mungkin timbul antara Pemegang Polisi Induk/Pemegang Sijil dengan Syarikat mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan Polisi ini yang melibatkan jumlah melebihi RM250,000 hendaklah dirujuk kepada mahkamah Malaysia. Bagi apa-apa pertikaian atau perbezaan dengan jumlah yang dipertikaikan yang kurang daripada atau sama dengan RM250,000, Pemegang Polisi Induk/Pemegang Sijil boleh merujuk perkara tersebut kepada Ombudsman for Financial Services untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Semua pertikaian atau perbezaan yang mungkin timbul antara Pemegang Polisi Induk / Pemegang Sijil dengan Syarikat mesti dirujuk kepada mahkamah Malaysia dan / atau Ombudsman for Financial Services dalam masa yang munasabah dari tarikh keputusan tuntutan disampaikan kepada Pemegang Polisi Induk / Pemegang Sijil.

5. Had Geografi & Had Wilayah

- (a) Polisi ini melindungi Pemegang Sijil di Malaysia selama 24 jam dan 7 hari seminggu, melainkan dinyatakan atau diendorskan sebaliknya di bawah Polisi ini.
- (b) Polisi ini melindungi Pemegang Sijil di luar Malaysia, di seluruh dunia, tertakluk kepada Syarat 19 Syarat Polisi Am mengenai 'Sanksi' dengan syarat tempoh maksimum Pemegang Sijil berada di luar Malaysia tidak melebihi 180 hari berturut-turut pada mana-mana satu masa.

6. Cukai Perkhidmatan

Jumlah premium yang perlu dibayar untuk Polisi ini merangkumi jumlah yang termasuk cukai perkhidmatan yang perlu dibayar oleh Pemegang Sijil. Cukai perkhidmatan merujuk kepada apa-apa cukai perkhidmatan, cukai nilai tambah, cukai barang dan perkhidmatan, cukai penggunaan, atau cukai, duti, caj atau pengenaan yang serupa dengan apa-apa nama yang diketahui, yang mungkin dari semasa ke semasa dikenakan atau dicaj (termasuk apa-apa kenaikan atau penurunan kadar) oleh mana-mana pihak berkuasa cukai yang kompeten.

7. Duplikasi Perlindungan

Tiada orang boleh diinsuranskan di bawah lebih daripada satu Polisi yang dikeluarkan oleh Syarikat di bawah produk ini. Jika seseorang diinsuranskan di bawah lebih daripada satu Polisi sedemikian, Syarikat akan mempertimbangkan untuk menginsuranskan orang tersebut di bawah Polisi dengan pampasan tertinggi atau, jika pampasan di bawah setiap Polisi

adalah sama, di bawah polisi yang mula-mula dikeluarkan. Syarikat akan membayar balik apa-apa pembayaran Premium berganda yang mungkin telah dibuat oleh atau bagi pihak Pemegang Sijil tersebut.

8. Fasal Ofset

Jika Pemegang Sijil layak menerima bayaran balik bagi semua atau sebahagian perbelanjaan yang dituntut dari mana-mana sumber lain untuk apa-apa Manfaat dalam Polisi ini, Syarikat hanya akan bertanggungjawab untuk lebih jumlah yang dapat dikembalikan dari sumber atau insurans lain, sehingga Pampasan maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Syarat ini hanya terpakai kepada Manfaat jika pembayaran adalah berdasarkan pembayaran balik.

9. Had Masa untuk Membawa Guaman

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti boleh diambil untuk mengembalikan Polisi sebelum tamat tempoh 90 hari dari tarikh Syarikat menerima dokumen lengkap mengenai tuntutan yang difailkan menurut keperluan Polisi ini.

10. Premium

a) Bayaran premium bagi Tempoh Polisi selama:

(i) 3 bulan

Premium akan dibayar oleh Pemegang Polisi Induk kepada Syarikat.

(ii) 12 bulan

Premium akan dibayar terlebih dahulu oleh Pemegang Polisi Induk kepada Syarikat berdasarkan perkara-perkara berikut:

- Perlindungan untuk 3 bulan permulaan selepas Tarikh Permulaan Polisi adalah percuma kepada Pemegang Sijil dan premium dibayar oleh Pemegang Polisi Induk kepada Syarikat.
- Mulai dari bulan ke-4 dan seterusnya, premium akan dikutip oleh Pemegang Polisi Induk daripada Pemegang Sijil di tempat jualan atau secara bulanan sebagai sebahagian daripada syarat kredit Pemegang Polisi Induk.

b) Waranti Pembayaran Premium

Syarat asas dan mutlak Polisi ini menyatakan bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar oleh Pemegang Polisi Induk dan diterima oleh Syarikat dalam tempoh 60 hari dari tarikh invois. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka Polisi ini akan dibatalkan secara automatik dan Syarikat berhak mendapat premium pro-rata untuk tempoh yang Syarikat telah menanggung risiko.

c) Kegagalan membayar premium

Syarikat akan membatalkan Polisi ini jika Pemegang Polisi Induk gagal membuat bayaran premium mengikut masa dan cara yang diperlukan oleh Syarikat. Syarikat akan terus memberikan perlindungan di bawah Polisi ini untuk tempoh yang mana premium telah diterima dan Polisi ini akan ditamatkan apabila tamat tempoh tersebut. Tiada manfaat akan dibayar untuk apa-apa tuntutan yang berlaku dalam tempoh yang mana premium tidak diterima.

d) Perubahan pada premium perlu dibayar

- (i) Syarikat boleh mengubah bayaran premium untuk Polisi atas sebab-sebab pengunderaitan. Dalam keadaan sedemikian, Syarikat akan memaklumkan Pemegang Polisi Induk mengenai perubahan premium tersebut secara bertulis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum perubahan dilakukan dan juga memaklumkan Pemegang Polisi Induk mengenai amaun premium baharu yang perlu dibayar untuk mengekalkan Polisi. Jumlah premium baharu yang perlu dibayar akan berkuat kuasa dari Tarikh Matang Premium yang akan datang.
- (ii) Jika perubahan kepada premium yang dibuat oleh Syarikat boleh diterima, Pemegang Polisi Induk boleh memilih untuk meneruskan Polisi mengikut jumlah premium baharu yang berkenaan.
- (iii) Tempoh notis dan tarikh kuat kuasa yang lebih pendek mungkin akan digunapakai jika perubahan premium diperlukan atas sebab cukai atau impos lain yang dikenakan oleh mana-mana kerajaan, peraturan atau pihak berkuasa sanksi lain berhubung dengan Polisi ini.

- (iv) Polisi ini akan dibatalkan secara automatik jika premium tidak dibayar oleh Pemegang Polisi Induk pada Tarikh Matang Premium.

11. Salah Nyata Umur

Jika pada usia yang sepatutnya, Pemegang Sijil tidak layak mendapat perlindungan di bawah Polisi ini, Manfaat tidak akan dibayar, dan liabiliti Syarikat adalah terhad kepada pengembalian premium yang dibayar tanpa faedah.

Jika pada masa tuntutan, adalah diperhatikan bahawa Pemegang Sijil telah membuat salah nyata mengenai umur mereka dan disebabkan itu, Pampasan yang lebih rendah digunapakai, Syarikat akan menentukan mengikut budi bicara mutlaknyanya sama ada untuk terus melindungi Pemegang Sijil berdasarkan terma dan syarat yang berkenaan atau menamatkan Polisi ini.

12. Salah Nyata atau Penipuan

Apa-apa penipuan, ketidakjujuran yang disengajakan atau penyembunyian apa-apa maklumat dengan sengaja berkaitan dengan permohonan Polisi ini atau berkaitan dengan tuntutan yang dibuat, akan menjadikan Polisi ini tidak sah. Dalam hal ini Syarikat tidak akan membayar balik premium yang telah dibayar dan Syarikat tidak akan mempertimbangkan untuk membuat pembayaran bagi apa-apa tuntutan yang dikemukakan kepada Syarikat. Syarikat akan melaporkan perkara tersebut kepada Polis jika dianggap perlu. Syarikat juga berhak untuk mendapatkan semula apa-apa amaun yang telah dibayar kepada Pemegang Sijil berhubung dengan apa-apa tuntutan fraud yang dikemukakan.

13. Perubahan polisi

Syarikat berhak untuk meminda terma, syarat atau premium Polisi ini dengan memberi Pemegang Sijil:

- (a) Notis bertulis 30 hari mengenai perubahan tersebut;
- (b) notis bertulis 7 hari mengenai perubahan tersebut jika ia disebabkan oleh wabak penyakit berjangkit;
- (c) Notis bertulis serta-merta mengenai perubahan tersebut, jika disebabkan oleh mana-mana pengisytiharan kerajaan atau akuan berkanun yang memberi kesan terhadap Polisi ini.

Nota penting:

- 1. Jika perubahan dalam terma atau syarat oleh Syarikat boleh diterima oleh Pemegang Sijil, maka Polisi ini akan diteruskan. Jika perubahan tidak boleh diterima, Pemegang Sijil boleh membatalkan Polisi ini di bawah Syarat 23 Syarat Polisi Am mengenai 'Pembatalan'.
- 2. Tiada perubahan kepada Polisi ini adalah sah melainkan diluluskan secara bertulis oleh wakil sah Syarikat dan ditunjukkan dalam Pengendorsan.
- 3. Tiada ejen atau penasihat yang mempunyai kuasa untuk meminda atau mengetepikan mana-mana terma dan syarat Polisi ini.

14. Perubahan Negara Kediaman Biasa

Pemegang Sijil mesti memaklumkan Syarikat secara bertulis mengenai apa-apa perubahan kepada Negara Kediaman Biasa Pemegang Sijil. Perubahan Negara Kediaman Biasa akan dianggap bermaksud Pemegang Sijil tinggal atau berhasrat untuk tinggal di negara lain selama lebih daripada 180 Hari berturut-turut. Setelah menerima maklumat ini, Syarikat akan menentukan mengikut budi bicara mutlaknyanya sama ada untuk melindungi Pemegang Sijil berdasarkan terma dan syarat yang sama atau menamatkan Polisi.

15. Penggunaan Data Peribadi

Pemegang Sijil dianggap telah membaca, memahami, dan bersetuju dengan pengumpulan dan kemudiannya pemprosesan maklumat peribadi anda oleh Syarikat (sama ada diperoleh semasa proses permohonan atau pentadbiran

Polisi ini) menurut, Notis Privasi Syarikat dari semasa ke semasa yang diterbitkan di laman web kami di <http://www.aig.my/privacy-notice>. Sekiranya Pemegang Sijil menyerahkan maklumat yang berkaitan dengan individu lain, Pemegang Sijil selanjutnya mewakili dan menjamin bahawa mereka mempunyai kuasa untuk memberikan maklumat berkaitan dengan individu lain kepada Syarikat, bahawa Pemegang Sijil telah memberitahu individu lain mengenai tujuan maklumat peribadinya dikumpulkan, digunakan dan didedahkan serta pihak-pihak yang mungkin menerima pendedahan daripada Syarikat berkenaan dengan maklumat peribadi tersebut, dan bahawa individu lain bersetuju dan memberi kebenaran bahawa Syarikat boleh mengumpul, menggunakan dan memproses maklumat peribadinya menurut Notis Privasi. Pemegang Sijil berhak untuk mendapatkan akses, meminta pembetulan atau menarik balik persetujuan mereka terhadap penggunaan mana-mana maklumat peribadi mereka yang dipegang oleh AIG Malaysia. Permintaan sedemikian boleh dibuat dengan menghantar surat kepada Syarikat di:

AIG Malaysia Insurance Berhad (200701037463)

Kepada: Bahagian Khidmat Pelanggan

P O Box 11768,

50756 Kuala Lumpur.

E-mel: AIGMYCare@aig.com

Telefon: 1800-88-8811 / 603 2118 0188

Faks: 603-21180288

16. Mata Wang

- (a) **Premium:** Semua premium mesti dibayar dalam Ringgit Malaysia.
- (b) **Tuntutan:** Semua premium mesti dibayar dalam Ringgit Malaysia. Penyelesaian dalam mata wang asing hanya akan dibuat jika Pemegang Sijil tidak berada di Malaysia pada masa pembayaran. Kadar pertukaran akan berdasarkan kadar pertukaran semasa pada tarikh penyelesaian tuntutan seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Pemegang Sijil akan menanggung semua kos pentadbiran dan penukaran.

17. Hak Kontrak Pihak ke-3

Seseorang atau mana-mana entiti yang bukan pihak kepada Polisi ini tidak mempunyai hak untuk menguatkuasakan mana-mana terma Polisi ini.

18. Hak Penyerahan

Pemegang Sijil tidak boleh menyerahkan atau memindahkan hak-hak di bawah Polisi ini kepada orang atau entiti lain.

19. Sanksi

Syarikat tidak akan dianggap menyediakan perlindungan dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah Polisi ini sejauh mana penyediaan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan atau penyediaan Manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat, syarikat induk Syarikat atau entiti kawalan utama Syarikat kepada apa-apa sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sanksi, undang-undang atau peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

20. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

Polisi ini dikeluarkan di Malaysia dan tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan semua peraturan, pengawalan, perundangan subsidiari dan perintah kerajaan yang digubal di bawahnya.

21. Penamaan

Semua manfaat yang perlu dibayar akibat kematian Kemalangan Pemegang Sijil akan dibayar kepada penama yang dipilih oleh Pemegang Sijil dan sekiranya Pemegang Sijil gagal untuk mencalonkan seorang penama, kepada waris Pemegang Sijil. Pampasan untuk semua manfaat lain akan dibayar kepada Pemegang Sijil. Proses tuntutan termasuk penyelesaian akan dikendalikan secara langsung antara Syarikat dengan Pemegang Sijil dan pelepasan tunggalnya akan membentuk pelepasan penuh dan muktamad bagi tuntutan yang dikemukakan.

Borang penamaan fizikal asal adalah dokumen wajib yang diperlukan sekiranya berlaku tuntutan. Sekiranya tiada borang Syarikat akan berpandu pada perenggan 8 dan 9 pada Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 apabila membayar wang polisi selepas kematian Pemegang Sijil.

Pemegang Sijil digalakkan untuk melantik seorang penama untuk mempercepatkan pemprosesan bayaran polisi dengan dokumen pentadbiran yang minimum. Borang pencalonan ini boleh dimuat turun di <https://www.aig.my/content/dam/aig/apac/malaysia/documents/others/beneficiary-nomination-form.pdf> dan borang asal yang disempurnakan hendaklah dikemukakan kepada Syarikat di alamat yang diberikan di bawah atau kepada ejen insurans (jika berkenaan):

AIG Malaysia Insurance Berhad
P O Box 11768,
50756 Kuala Lumpur

22. Penamatan Polisi Secara Automatik

Semua perlindungan di bawah Polisi ini akan ditamatkan secara automatik untuk Pemegang Sijil pada tarikh:

- (a) Polisi ini dibatalkan atas sebab-sebab yang dinyatakan di bawah Syarat 23 Syarat Polisi Am mengenai 'Pembatalan';
- (b) kematian Pemegang Sijil, daripada apa-apa sebab;
- (c) Pemegang Sijil mencapai umur maksimum yang dinyatakan di bawah seksyen 'Kelayakan';
- (d) Pemegang Sijil tidak lagi memenuhi mana-mana syarat kelayakan yang dinyatakan di bawah Bahagian 'Kelayakan';
- (e) apa-apa penipuan atau salah nyata kepada Syarikat yang didapati tahu seperti yang dinyatakan di bawah Syarat 12 Syarat Polisi Am mengenai 'Salah Nyata atau Penipuan'.

23. Pembatalan

Hak pembatalan oleh syarikat

Syarikat boleh membatalkan Polisi ini:

- a) dengan memberi notis bertulis 30 hari terlebih dahulu ke alamat terakhir Pemegang Polisi Induk yang diketahui atau melalui e-mel.
- b) dengan serta-merta jika Pemegang Polisi Induk gagal membuat bayaran premium pada Tarikh Matang Premium. Tiada manfaat akan dibayar untuk apa-apa tuntutan yang berlaku dalam tempoh yang mana premium tidak diterima.
- c) dengan memberi notis bertulis 7 hari terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi Induk sekiranya berlaku Peperangan di Malaysia.

Semasa pembatalan Polisi:

- a) Jika tiada tuntutan telah dibuat, Syarikat akan membayar balik premium pro-rata untuk baki Tempoh Polisi kepada Pemegang Polisi Induk.
- b) Jika tuntutan telah dibayar oleh Syarikat dalam Tempoh Polisi, tiada bayaran balik premium akan dibuat.
- c) Sekiranya berlaku kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, maka tiada bayaran balik premium akan dipertimbangkan sehingga Syarikat dan Pemegang Polisi Induk / Pemegang Sijil memuktamadkan tuntutan dan seterusnya, jika tuntutan itu dibayar, tiada bayaran balik premium pulangan akan dibuat kepada Pemegang Polisi Induk.

Hak pembatalan oleh Pemegang Polisi Induk / Pemegang Sijil

Dengan syarat tiada tuntutan dibuat terhadap Polisi:

- a) Selama Tempoh Polisi 3 bulan
Pemegang Polisi Induk boleh membatalkan Polisi ini dengan memberi notis bertulis 30 hari terlebih dahulu kepada Syarikat atau melalui e-mel di alamat yang diberikan di bawah. Melainkan dinasihatkan sebaliknya oleh Syarikat dan Pemegang Polisi Induk bersetuju, semasa pembatalan, Syarikat akan membayar balik premium pro-rata untuk baki tempoh kepada Pemegang Polisi Induk.

Pemegang Sijil boleh meminta pembatalan, namun, tiada bayaran balik akan diberikan kerana Polisi ini adalah percuma untuk Pemegang Sijil.

- b) Selama Tempoh Polisi 12 bulan
(i) Untuk perlindungan semasa 3 bulan permulaan selepas Tarikh Permulaan Polisi, Pemegang Polisi Induk boleh membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis bertulis terdahulu selama 30 hari kepada Syarikat atau melalui e-mel di alamat yang diberikan di bawah.
Melainkan dinasihatkan sebaliknya oleh Syarikat dan Pemegang Polisi Induk bersetuju, semasa pembatalan, Syarikat akan membayar balik premium pro-rata untuk baki tempoh kepada Pemegang Polisi Induk.

Pemegang Sijil boleh meminta untuk pembatalan Polisi, namun, tiada bayaran balik dalam tempoh 3 bulan permulaan kerana perlindungan dalam tempoh ini adalah percuma kepada Pemegang Sijil.

- (ii) Untuk perlindungan pada/selepas bulan ke-4 selepas Tarikh Permulaan Polisi dan sebelum Tarikh Tamat Polisi, Pemegang Polisi Induk / Pemegang Sijil boleh membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis bertulis terdahulu selama 30 hari kepada Syarikat atau melalui e-mel di alamat yang diberikan di bawah.

AIG Malaysia Insurance Berhad (200701037463)

Kepada: Bahagian Khidmat Pelanggan

Peti Surat 11768,

50756 Kuala Lumpur.

E-mel: AIGMYCare@aig.com

Telefon: 1800-88-8811 / 603 2118 0188

Faks: 603-21180288

Melainkan dinasihatkan sebaliknya oleh Syarikat dan Pemegang Polisi Induk bersetuju, semasa pembatalan, Syarikat akan membayar balik premium pro-rata untuk baki Tempoh Polisi kepada Pemegang Polisi Induk yang seterusnya akan mengendalikan bayaran balik dengan Pemegang Sijil dengan sewajarnya.

Proses bayaran balik akan dikendalikan secara langsung antara Syarikat dengan Pemegang Polisi Induk, dan akan melepaskan Syarikat sepenuhnya daripada apa-apa liabiliti Polisi ini.

PROSEDUR TUNTUTAN:

1. LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN

Langkah 1: Pemegang Sijil mesti memberitahu Syarikat dengan segera selepas berlakunya peristiwa yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah '3. Pemberitahuan Tuntutan'. [Pemberitahuan Tuntutan](#).

- a) Hubungi Syarikat di 1800 88 8811/ 603 2118 0188; atau
b) Lengkapkan [Borang Tuntutan Kemalangan Diri & Kesihatan](#) dan e-melkan kepada MYPAClaims@aig.com.

Langkah 2: Pemegang Sijil hendaklah menyediakan dokumen sokongan asas yang berkaitan mengikut [Senarai Semak Tuntutan](#) Senarai Semak Tuntutan mengikut jenis tuntutan.

Langkah 3: Pemegang Sijil mesti menyerahkan bukti tuntutan kepada Syarikat dalam tempoh 30 hari selepas kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah '5. Bukti/ Maklumat Tuntutan' kepada

Syarikat boleh meminta dokumen tambahan bergantung pada ciri-ciri dan keadaan tuntutan, dalam kes berkenaan Syarikat akan menghubungi Pihak Menuntut.

2. PEMATUHAN

Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa akibat yang timbul kerana kegagalan Pemegang Sijil untuk mendapatkan atau mengikuti nasihat Doktor dan menggunakan peralatan atau ubat yang mungkin dipreskripsikan sekiranya berlaku Kecederaan ketika membuat tuntutan Pampasan.

3. PEMBERITAHUAN TUNTUTAN

- (a) Syarikat mesti dimaklumkan secepat yang praktikal dan dalam apa jua keadaan dalam masa 30 hari selepas Kemalangan yang membawa kepada tuntutan.
- (b) Kegagalan untuk mematuhi a) di atas mungkin mengakibatkan penolakan semua atau sebahagian daripada tuntutan oleh Syarikat. Sebab-sebab termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jika ia dibuat begitu lama selepas kejadian sehingga Syarikat tidak dapat menyiasatnya sepenuhnya atau boleh menyebabkan Pihak Menuntut tidak menerima amaun penuh yang dituntut jika amaun yang perlu dibayar berubah akibat kelewatan.

4. BEBAN BUKTI

Sekiranya Syarikat mendakwa bahawa dengan alasan mana-mana satu pengecualian yang disenaraikan, suatu perkara tidak dilindungi oleh Polisi ini, beban membuktikan yang sebaliknya akan ditanggung oleh Pihak Menuntut.

5. BUKTI / MAKLUMAT TUNTUTAN

- (a) Semua bukti yang munasabah dan perlu yang diperlukan oleh Syarikat mesti diberikan kepada Syarikat untuk menyokong tuntutan dalam tempoh 30 hari selepas tarikh Kemalangan yang mengakibatkan tuntutan. Maklumat yang diberikan kepada Syarikat untuk menyokong tuntutan termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan perubatan, invoice dan resit, sijil perubatan, laporan polis dan dokumen lain (seperti terjemahan dokumen bahasa asing ke dalam bahasa Inggeris), disahkan melalui sumpah jika perlu. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak mencukupi, Syarikat akan mengesahkan maklumat tambahan yang diperlukan.
- (b) Sekiranya Syarikat tidak menerima maklumat yang diperlukan dalam tempoh masa yang dinasihatkan, Syarikat boleh menolak tuntutan atau menahan pembayaran sehingga maklumat yang Syarikat perlukan telah diterima.
- (c) Sekiranya sijil atau laporan perubatan diperlukan, Syarikat hanya akan menerima sijil atau laporan perubatan yang asal yang dikeluarkan oleh Doktor. Untuk mengelakkan keraguan, sijil perubatan atau laporan yang dikeluarkan oleh pengamal lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada pakar perubatan Cina, tidak akan diterima.
- (d) Syarikat boleh menolak untuk membayar balik perbelanjaan sekiranya Pihak Menuntut gagal mengemukakan resit dan invoice asal.
- (e) Pihak Menuntut mungkin dikehendaki oleh Syarikat untuk mengemukakan pemeriksaan perubatan oleh Doktor yang dilantik oleh Syarikat sebelum Pampasan awal atau selanjutnya boleh dibayar.
- (f) Syarikat boleh atas perbelanjaan Syarikat mengatur bedah siasat melainkan jika ia menyalahi undang-undang di negara di tempat bedah siasat akan dilakukan.

6. PENYELESAIAN TUNTUTAN

- (a) Pampasan akan dibayar mengikut terma dan syarat Polisi. Tuntutan hanya boleh dibuat setelah Syarikat menerima maklumat yang diperlukan untuk menyiasat dan mengesahkan tuntutan (termasuk maklumat yang diberikan) dan ia berpuas hati bahawa tuntutan tersebut termasuk dalam liputan polisi. Pampasan biasanya akan dibayar dengan serta-merta melainkan jika tuntutan adalah untuk perkara seperti Hilang Upaya Menyeluruh Kekal atau untuk apa-apa bayaran berkala yang akan dibayar mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam Polisi.
- (b) Pampasan bagi setiap Manfaat akan dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Manfaat. Apa-apa Pampasan yang dibuat oleh Syarikat di bawah Polisi ini tidak akan melebihi had yang ditunjukkan dalam Jadual Manfaat untuk perkara tuntutan. Pampasan di bawah setiap Manfaat adalah dimasukkan hanya untuk perkara yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
- (c) Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Polisi ini, bayaran atau bayaran balik akan dibuat mengikut budi bicara Syarikat kepada Pihak Menuntut.
- (d) Semasa proses tuntutan Syarikat, Pihak Menuntut hendaklah memberikan kerjasama penuh kepada Syarikat dan kepada penyedia perkhidmatan, vendor dan pakar yang dilantik oleh Syarikat, termasuk menyediakan temu bual secara bersemuka, jika dan apabila diperlukan.

7. SUBROGASI

Sekiranya pihak ketiga dipertanggungjawabkan untuk semua atau sebahagian daripada mana-mana tuntutan yang dibayar di bawah Polisi ini, Syarikat boleh menggunakan hak undang-undangnya untuk mengejar pihak ketiga untuk mendapat kembali perbelanjaannya. Pemegang Sijil, wakil sah Pemegang Sijil, atas permintaan Syarikat, akan bersetuju dan membenarkan Syarikat melakukan tindakan dan perkara yang mungkin perlu atau semunasabahnya diperlukan untuk tujuan melaksanakan hak undang-undang Syarikat. Syarikat akan membayar kos dan perbelanjaan yang terlibat dalam melaksanakan hak undang-undang Syarikat terhadap pihak ketiga.

8. HAK UNTUK MENDAPAT KEMBALI

Jika Syarikat membuat pembayaran dan kemudiannya dimaklumkan bahawa tuntutan tersebut tidak perlu dibayar, Syarikat mempunyai hak untuk mendapat kembali amaun yang telah dibayar daripada Pemegang Sijil.

PROSEDUR ADUAN

1. Sekiranya pada bila-bila masa perkhidmatan Syarikat tidak memenuhi jangkaan Pemegang Sijil, Pemegang Sijil boleh menghubungi Syarikat menggunakan butiran hubungan yang sesuai di bawah, dan memberikan Nombor Polisi /Tuntutan dan nama Pemegang Sijil untuk membantu Syarikat menangani komen Pemegang Sijil dengan cepat.

AIG Malaysia Insurance Berhad (200701037463)
Complaints Handling Unit
Peti Surat 11768
50756 Kuala Lumpur
Telefon: 1800 88 8811 / 603 2118 0188
Faks: 603 2118 0288
E-mel: AIGMYComplain@aig.com

2. Mana-mana Pemegang Sijil yang tidak berpuas hati dengan keputusan Syarikat boleh merujuk kepada Ombudsman for Financial Services (OFS) dengan memberikan butiran pertikaian, nama syarikat insurans dan nombor polisi. Butiran hubungan OFS adalah seperti berikut:

Ombudsman for Financial Services
Level 14, Main Block,
Menara Takaful Malaysia,
No 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Telefon: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
E-mel: enquiry@ofs.org.my

3. Mana-mana Pemegang Sijil yang tidak berpuas hati dengan pengendalian Syarikat boleh menulis kepada BNMLINK dengan memberikan butiran aduan, nama syarikat insurans dan nombor polisi atau nombor tuntutan. Butiran hubungan BNMLINK adalah seperti berikut:

Bank Negara Malaysia
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK)
Peti Surat 10922,
50929 Kuala Lumpur

Telefon: 1-300-88-5465 (1300-88-LINK) atau 03- 2174 1717 (luar negara)
Faks: 03-2174 1515

Lawatan Fizikal: BNMLINK akan menerima pelawat melalui janji temu sahaja. Anda boleh meminta janji temu melalui laman web atau telefon mereka.